

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)6

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

6. Apakah langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani COVID-19, sama ada Pulau Pinang yang terkenal sebagai hab perubatan bersedia dan mempunyai fasiliti yang canggih dan mencukupi untuk menghadapi COVID-19?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

6. Kerajaan Negeri mula mengambil langkah dengan memperkukuhkan saringan ke atas pengunjung yang masuk ke negeri ini sejak 4 Jan 2020 di pintu masuk antarabangsa udara (*airport*) serta laut (*seaport*). Tiga (3) strategi diguna pakai:-
- (i) Saringan demam dengan *thermal scanner*;
 - (ii) Rujukan dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); dan
 - (iii) Pemeriksaan secara rawak oleh anggota kesihatan.

Semua anggota kesihatan di Klinik Kesihatan dan hospital telah diberikan kursus dan latihan *refresher* mengenai saringan, rujukan, penggunaan *Personal Protective Equipment* (PPE) dan

notifikasi kes disyaki COVID-19 kepada Bilik Gerakan Pejabat Kesihatan Daerah.

Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) di peringkat negeri dan Bilik Gerakan (BG) Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) mengendalikan Hotline COVID-19 (*Risk Communication*) dan kemaskini data terkini untuk kenyataan akhbar KKM. Mereka bertindak untuk menyalurkan arahan, garis panduan terkini (Edisi ke-4) kepada petugas di lapangan.

Peranan Kesihatan Awam dalam menyiasat kes disyaki COVID-19 bermula sebelum keputusan awal diperolehi. Tindakan ini dilaksanakan oleh pasukan CDC, PKD masing-masing. Golongan yang disyaki COVID-19 adalah diasingkan sama ada di wad hospital (sekiranya bergejala sederhana hingga teruk) ataupun di rumah sementara menunggu keputusan ujian.

Kerajaan Negeri juga ada mengadakan promosi kesihatan dengan mengebahkan mesej kesihatan berkaitan dengan COVID-19 melalui pelbagai saluran untuk mengingatkan rakyat negeri ini akan pentingnya menjaga kebersihan diri. Selain itu, ceramah dan taklimat COVID-19 telah berlangsung di peringkat negeri dan daerah. *Talk radio* Mutiara FM juga turut

membincangkan isu penjagaan kesihatan semasa COVID-19
bersama pegawai kesihatan JKN.